

**BAB 4 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA**

7. Gambar berikut menunjukkan penentangan terhadap Malayan Union.



a. Senaraikan **dua** orang tokoh yang menentang Malayan Union.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

b. Pelaksanaan Malayan Union mendapat tentangan daripada orang Melayu. Beri penjelasan anda.

---

---

---

---

[ 4 markah ]

c. Jelaskan kesan sekiranya Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu.

---

---

---

---

[4 markah]

### Bahagian esei

- 8 Rajah 1 menunjukkan antara faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu
<ul style="list-style-type: none"><li>• Ketegasan orang Melayu membantah Malayan Union</li><li>• Sikap politik orang Melayu yang sederhana</li><li>• Sokongan bekas pegawai-pegawai British</li></ul>

- a. Bagaimanakah faktor-faktor tersebut membantu ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [8 markah]
- b. Terangkan usaha-usaha ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. [6 markah]
- c. Pada pandangan anda, mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 perlu dihayati oleh generasi muda pada hari ini? [6 markah]

**Bab 4: Pembinaan Negara Bangsa dan Malaysia  
Tingkatan 5**

Soalan 4	Perincian / Butiran	Markah
a	<p><b>Nyatakan dua orang tokoh yang menentang Malayan Union.</b></p> <p>F1 Dato' Onn Jaafar F2 Sultan Ibrahim (Sultan Johor) F3 Sir Cecil Clementi F4 R.O. Winstedt F5 Frank Swettenham F6 Sir Frederick Weld</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p>[ 2 markah ]</p>
b	<p>Pelaksanaan Malayan Union mendapat tentangan daripada orang Melayu. Beri penjelasan anda</p> <p>F1 Bantahan melalui akhbar F2 seperti Utusan Melayu, Majlis, dan Warta Negara secara berterusan F3 Mengadakan demonstrasi secara aman F4 Semasa Sir Harold MacMicheal mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu. F5 Ia berlaku di Kota Bharu, Kelantan dan Alor Setar, Kedah. F6 Persatuan-persatuan Melayu telah dihidupkan semula bagi menentang Malayan Union F7 Mereka menghantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London. F8 23 Januari 1946, Dato' Onn Jaafar menyeru orang Melayu berkongres dan menubuhkan United Malays Organization (U.M.O) F9 Kongres Melayu 1946 diadakan pada 1-4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kg. Baru Kuala Lumpur F10 Kongres ini setuju menubuhkan United Malays National Organization (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. F11 Kongres Melayu Kedua diadakan dari 30-31 Mac 1946. F12 Bertujuan untuk membantah pengisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946. F13 Orang Melayu mengadakan rapat umum di setiap bandar besar untuk menunjukkan bantahan mereka kepada ahli-ahli parlimen British iaitu L.D Gammans dan David Reese William. F14 Raja-raja Melayu berkumpul di Kuala Kangsar pada 28 April 1946 untuk menyatakan bantahan mereka kepada ahli-ahli parlimen tersebut.</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 4 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[ 4 markah ]</p>

c		<b>Jelaskan kesan sekiranya Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu.</b>	
	F1	Tanah Melayu akan menjadi tanah jajahan British	1
	F2	Sistem beraja di negara kita akan lenyap	1
	F3	Hak istimewa orang Melayu akan hilang	1
	F4	Hubungan antara kaum di Tanah Melayu akan tegang	1
	F5	Sumber ekonomi negara akan dibolot oleh penjajah/British	1
	F6	Kedudukan Bahasa Melayu akan tergugat	1
	F7	Bahasa Inggeris akan dijadikan sebagai Bahasa pengantar	1
	F8	Orang Melayu yang berada di luar bandar akan ketinggalan dalam pendidikan kerana penjajah hanya mementingkan penduduk bandar	1
	F9	Orang dagang akan diberikan taraf kewarganegaraan Mana-mana munasabah	1
		(Mana-mana 4 x 1m)	[ 8 markah ]

#### BAB 4 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA ( ESEI )

Soalan 4		Perincian / Butiran	Markah
a		<b>Bagaimanakah faktor-faktor tersebut membantu ke arah Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.</b>	
		<u>Ketegasan orang Melayu membantah Malayan Union</u>	
	F1	Dipimpin oleh Dato' Onn Ja'afar	1
	F2	Perpaduan dalam kalangan orang Melayu yang terdiri daripada golongan raja dan rakyat	1
	F3	Dapat mengatasi golongan lain yang menyokong Malayan Union	1
	F4	Keupayaan orang Melayu memujuk dan mendesak British untuk menghidupkan semula dasar perlindungan	1
		<u>Sokongan bekas pegawai British</u>	
	F5	Menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu	1
	F6	Antaranya ialah Sir Frank Swettenham, Sir R.O. Winstedt, Sir George Maxwell dan Sir Cecil Clementi	1
	F7	Mereka menolak dasar menakluk Tanah Melayu	1
		<u>Sikap politik orang Melayu</u>	
	F8	Bersifat sederhana	1
	F9	Mendorong British menerima kehendak mereka	1
	F10	Orang Melayu hanya menulis dalam akhbar	1
F11	Berdemonstrasi	1	
F12	Berkongres dan memujuk Raja-raja Melayu	1	
F13	Untuk menyokong penentangan terhadap British	1	
F14	Mereka tidak mengangkat senjata seperti Parti Komunis Malaya (PKM)	1	

		(Mana-mana 6 x 1m)	[ 6 markah ]
b		<p><b>Terangkan usaha-usaha pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.</b></p> <p>F1 Bantahan orang Melayu menyebabkan British membatalkan Malayan Union 1</p> <p>F2 British menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif 1</p> <p>F3 Jawatankuasa ini dianggotai oleh 12 orang ahli yang terdiri daripada pegawai kanan British, pemimpin UMNO dan wakil Raja-Raja Melayu 1</p> <p>F4 Jawatankuasa Eksekutif mengadakan mesyuarat di King's House, Kuala Lumpur 1</p> <p>F5 Orang Melayu mengemukakan lima tuntutan dalam rundingan dengan British 1</p> <p>F6 Tuntutan itu ialah menginginkan sebuah persekutuan seperti konsep Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, menolak kerakyatan terbuka, meminta dasar perlindungan terhadap Negeri-Negeri Melayu dan orang Melayu dipulihkan 1</p> <p>F7 Raja-Raja Melayu sebagai ketua Negeri-Negeri Melayu perlu diakui semula 1</p> <p>F8 Perundingan ditentang oleh orang dagang dan golongan radikal Melayu 1</p> <p>F9 Golongan radikal Melayu dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy 1</p> <p>F10 Mereka berpendapat Jawatankuasa Eksekutif tidak mewakili semua kaum 1</p> <p>F11 Mereka menuntut konsep sebuah republik dan kemerdekaan penuh 1</p> <p>F12 Golongan radikal menubuhkan AMCJA dan PUTERA bagi menentang British dan UMNO 1</p> <p>F13 Mereka mengadakan ceramah politik, demonstrasi dan mogok 1</p> <p>F14 Mereka mencadangkan Perlembagaan Rakyat 1</p> <p>F15 British menubuhkan Jawatankuasa Perunding bagi mendapatkan pandangan dalam menyediakan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1</p> <p>F16 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 21 Januari 1948 1</p>	
		(Mana-mana 6 x 1m)	[ 6 markah ]
c		<p><b>Pada pandangan anda, mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 perlu dihayati oleh generasi muda pada hari ini?</b></p> <p>Aras 1 Jawapan mudah / pengetahuan / pemahaman yang terhad Menyatakan cadangan dengan hujah yang mudah.</p> <p>Contoh: - Menghargai perjuangan tokoh-tokoh terdahulu - Menghargai sejarah negara</p>	<p>1 – 2</p> <p>1 1</p>

